

10 NOV 2002

Singapura-Air/I

"BERDAMAI BUKAN BERPERANG" KUNCI PENYELESAIAN PERTIKAIAN AIR

Oleh: Salbiah Said

SINGAPURA, 10 Nov (Bernama) -- "Berdamai dan Bukan Berperang": Ini ialah mesej yang ingin disampaikan oleh beberapa rakyat Singapura yang prihatin kepada kedua-kedua kerajaan Malaysia dan Singapura berikutan pertikaian mengenai air yang sehingga kini menghadapi kebuntuan.

"Saya tidak nampak bagaimana kita (Singapura) tidak dapat kembali semula berbincang dengan Malaysia dalam tingkah laku yang lebih mesra. Marilah kita berbincang lagi mengenai harganya dengan Malaysia, cuma kali ini kita akan membeli air berdasarkan harga yang mereka minta," kata seorang rakyat Singapura dalam Forum mengenai Isu Air menerusi "Channelnewsasia.com."

Pelayar Internet itu, yang dikenali sebagai "Dan" mencadangkan supaya Singapura hanya membeli kuantiti yang diperlukan bagi menambah keperluan semasanya.

"Kuantiti yang kita beli pada satu-satu masa itu akan bergantung kepada harga yang diminta. Apabila harganya tidak lagi kompetitif, kita berhenti sama sekali daripada membeli.

"Sementara itu, kita serahkan semula kepada kerajaan Malaysia tanggungjawab untuk membekalkan air ke Johor. Ia akan memberikan kedua-dua pihak masa untuk menyesuaikan diri kepada perubahan dan mungkin akan membawa situasi yang menguntungkan semua pihak. Saya memohon kedua-dua kerajaan untuk mempertimbangkan cadangan saya," kata Dan dalam e-mailnya.

"Pada mulanya, isu air dengan Malaysia dibincangkan dalam tingkah laku yang mesra. Sungguhpun saya menyokong rancangan kita untuk tidak bergantung sepenuhnya kepada bekalan air dari Malaysia pada masa akan datang, saya merasakan cara kita memperkenalkan Newater sebagai satu ancaman kepada Malaysia," kata Dan lagi.

Dan percaya masalah itu semakin menyukarkan Malaysia dalam beberapa tahun akan datang memandangkan pembekalan lebih air dalam jumlah yang begitu besar memerlukan sistem bekalan air baru dan pelanggan-pelanggan baru.

"Ia akan mengambil masa bertahun-tahun untuk melaksanakan perkara ini meskipun jika pelanggan-pelanggan baru itu berada di Malaysia. Bagi Singapura, kita perlu bersedia menggunakan air dengan lebih cermat dan mungkin juga perlu bersedia membayar lebih hinggalah teknologi yang lebih maju dapat membantu kita menghasilkan air pada kos yang lebih rendah," kata Dan lagi.

Seorang lagi pengunjung Channelnewsasia.com, Rumpelstiltskin berkata urusan niaga komersial semata-mata tidak akan mengambil masa yang begitu panjang untuk diselesaikan.

"Mungkin masanya telah tiba untuk mengasingkan isu air ini dari perkara-perkara politik yang lain. Cadangan (Datuk Seri) Dr Mahathir (Mohamad) supaya diasingkan sememangnya munasabah memandangkan ia dapat mengeluarkan perkara-perkara berbau politik dan menjadikannya urusan niaga komersial semata-mata," kata beliau lagi.

Air, katanya, ialah isu yang boleh membawa kepada peperangan sebenar antara Malaysia dan Singapura serta perlu ditangani secara cermat dan diasingkan daripada isu-isu yang lain, kata Rumpelstiltskin.

"Kerajaan Singapura tidak sepatutnya mendesak untuk merundingkan segala-galanya sebagai satu pakej. Malaysia tidak perlu menjual airnya ke Singapura sama sekali. Malaysia tidak memerlukan wang daripada penjualan seperti itu. Singapura perlu menerima realiti itu. Sedarlah...segera!",

kata Rumpelstiltskin.

Seorang pelawat lain bernama LeFire berkata: "Penjualan itu sememangnya simbolik dan mengukuhkan persahabatan merentasi sempadan serta menunjukkan kepada dunia sikap mesra kerajaan Malaysia terhadap jiran-jirannya. Jangan memandang rendah azam kerajaan Malaysia untuk memberhentikan bekalan pada masa depan seandainya pertelingkahan berkaitan isu air ini menjadi semakin buruk.

"Mereka bebas memberhentikan bekalan bagi masa depan melewati tarikh yang dihadkan oleh kontrak. Bagaimanapun, jika mereka memilih untuk memberhentikan bekalan pada masa ini...ianya seumpama dengan tindakan berperang. Kami tidak memandang rendah kepada mereka. Itu hak mereka untuk memberhentikan bekalan jika mereka mahu, air itu datangnya dari sungai di Malaysia.

"Tetapi mereka perlu menerima akibat daripada tindakan yang sebegitu drastik memandangkan ketidaksamaan kekuatan ketenteraan kedua-dua buah negara terbabit.

"Politik dan ketenteraan akan sentiasa meliliti antara satu sama lain ... saya sememangnya sukakan kedamaian. Tetapi biarlah mereka diberitahu bahawa kedua-dua pihak perlu berhati-hati dengan apa yang mereka ucapkan...bukan hanya pihak Singapura."

Seorang pelayar lain yang hanya dikenali sebagai "Singaporean" berkata beliau menghargai hakikat bahawa Malaysia telah bersikap pemurah terhadap Singapura dengan menjual air pada harga 3 sen sejak beberapa tahun lepas.

"Bagaimanapun, harus diingati bahawa 3 sen ialah harga yang dipersetujui pada ketika itu yang dianggap kadar yang adil pada masa itu. Oleh yang demikian ia tidak seharusnya dilihat sebagai murah sekarang. Jika harga 60 sen dipersetujui sekarang, apakah harganya nanti dalam masa 50 tahun akan datang? 60 sen mungkin harga yang berpatutan sekarang tetapi 50 tahun lagi disebabkan inflasi, kita mungkin terpaksa meneliti semula kontrak dengan mereka."

Katanya kebuntuan perbincangan ini bukan disebabkan oleh sebelah pihak sahaja tetapi kerana "kedua-dua pihak cuba mendapatkan keuntungan sebanyak mungkin daripada perjanjian itu."

"Sungguhpun Singapura boleh berdikari tanpa bergantung kepada Malaysia bagi mendapatkan air, ia akan dilihat sebagai tindakan permusuhan oleh pihak satu lagi jika ianya berlaku. Tiada gunanya sama sekali untuk berperang. Untuk memperolehi air? Memandangkan Singapura boleh berdikari berkaitan isu air, jadi mengapa perlu berperang?

"Dalam perkara lain, memandangkan Malaysia membuat keputusan untuk membenarkan perjanjian air dilupuskan, jadi mengapa ia mesti berperang dengan Singapura? Peperangan tidak tercetus dengan mudahnya. Memandangkan satu pihak tidak memerlukan pihak yang lain dalam mana-mana sumber jadi mengapa mesti ada pertikaian atau peperangan?

"Semuanya berlaku disebabkan kurang persefahaman, keikhlasan dan muhibbah daripada kedua-dua pihak. Harap-harap, keadaan akan kembali pulih pada masa depan," katanya lagi.

-- BERNAMA  
SS MFJ ROS